

Ruj. Kami : PNM(T) 076(53)

Tarikh : 04 Mac, 2011

Semua jabatan/Pusat Tanggungjawab
Negeri Melaka

YB Datuk/Tuan/Puan,

**KUMPULAN WANG AMANAH MASJID NEGERI DAN KUMPULAN WANG AMANAH
DAKWAH NEGERI MELAKA**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kumpulan Wang Amanah yang tersebut di atas adalah di bawah kawalan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri. Sehubungan itu, penyelenggaraan rekod-rekod kewangan adalah tertakluk di bawah Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri (kod jabatan 0140 kod Pusat Tanggung Jawab (PTJ) 01000100). Oleh kerana terdapat anggota perkhidmatan awam yang memberi sumbangan melalui potongan gaji pada setiap bulan kepada kumpulan wang amanah tersebut, maka sejumlah potongan tersebut dipertanggung kepada jabatan masing-masing.
3. Sehubungan itu, pihak jabatan/PTJ perlu menyediakan jurnal pelarasan pada setiap bulan mengikut jumlah potongan bagi mensifarkan potongan gaji tersebut di jabatan masing-masing **sebelum 20 haribulan berikutnya**. Transaksi jurnal tersebut adalah seperti berikut:

Debit	Kod Jabatan (berkaitan)	PTJ (berkaitan)	Kod Amanah 58005/58018	Amaun (RM) xxxx
Kredit	Kod Jabatan 0140	PTJ 01000100	Kod Amanah 58005/58018	Amaun (RM)xxxxx

Sila lampirkan **L400** dan senarai potongan gaji **G028** yang telah disahkan sebagai dokumen sokongan.

(2)

4. Perkara ini perlu diberi perhatian bagi memastikan perakaunan akaun amanah tersebut adalah teratur serta mengelakkan ianya dibangkitkan oleh pihak audit pada setiap tahun.

Sekian, untuk makluman dan tindakan YB Datuk /tuan/puan. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"1 MALAYSIA, MELAKA MAJU 2010"

Saya yang menurut perintah



(SADIKIN BIN ATON)
Bendahari Negeri
MELAKA

s.k YB Datuk Pegawai Kewangan Negeri